

# Tergamak jual bayi secara online

KOSMO 13/12/2017 M/S 3

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**KUALA LUMPUR** – Sepasang kekasih remaja seperti sudah hilang kewarasan apabila sanggup menjual bayi kembar luar nikah mereka melalui sebuah laman web jual beli terkemuka di negara ini.



MAZLAN

Gadis yang dipercayai bekas pelajar tahfiz yang berusia 20 tahun dan pasangannya yang berumur 18 tahun difahamkan berbuat demikian semata-mata kerana tamakkan wang.

Di samping itu, kedua-duanya difahamkan sudah tidak mampu menjaga sepasang bayi lelaki comel berusia empat bulan itu selain mahu lari daripada tanggungjawab.

*Kosmo!* difahamkan, iklan menjual bayi itu mula dimuat naik ibu muda itu melalui laman web jual beli tumpuan ramai itu pada Jumaat minggu lalu.

Suspek antara lain menetapkan harga sebanyak RM15,000 kepada sesiapa yang berminat untuk memiliki bayi kembar terabit.

Beberapa minit selepas itu, netizen yang menyedari iklan 'pelik' itu mula melemparkan kecaman di atas tindakan terkuat suspek.

Dalam sekelip mata, berita mengenai iklan itu menjadi tular menerusi media sosial termasuk menerusi aplikasi WhatsApp.

Bagaimanapun, tindakan



**NASIB INSAN TIDAK BERDOSA...** Syed Azmi mendukung bayi kembar hasil hubungan terlarang pasangan kekasih remaja di Kuala Lumpur kelmarin.

kurang cerdik suspek yang mengiklankan penjualan bayi itu tidak bertahan lama selepas polis Kuala Lumpur segera bertindak sebaik menerima maklumat daripada pengguna media sosial.

Hasilnya, remaja perempuan yang tidak bekerja itu telah ditahan di rumahnya di Setapak di sini pada pukul 8 malam.

Sejam selepas itu, pasangannya yang bekerja sebagai penghantar barang diberkas di Ampang, Selangor.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim memberitahu, suspek dipercayai cuba menjual bayi kembar lelaki hasil

hubungan terlarang mereka melalui laman web jual beli itu pada harga RM15,000.

"Bagaimanapun, ketika iklan itu dimuat naik, tiada individu atau pihak yang menghubungi nombor telefon yang tertera.

"Selepas soal siasat dijalankan, pasangan berkenaan dibebaskan dengan jaminan polis manakala bayi kembar itu diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan susulan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 48 Akta Kanak-Kanak 2001 yang menetapkan mana-mana orang terbabit dalam pemerda-



**Syed Azmi**  
13 hrs · a

This is what happened. So we got reports about this advertisement from mudah.my. It was shared by so many Malay online media some goes as wild to say let's see who bids the highest. let's see what are the netizens going to say, what will the government is going to do and many more mean things. The thing that makes me so worried about is that I know the handphone number. Confirmed it minutes later.

The first thing I did was to contact Mudah.my and they have already brought down... See more.



**INILAH** iklan yang dimuat naik oleh suspek melalui laman web jual beli terkemuka di Malaysia Jumaat lalu.

gangan kanak-kanak melakukan kesalahan yang boleh dihukum denda tidak lebih RM10,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Hasil tinjauan *Kosmo!* di laman web jual beli itu semalam mendapati iklan itu sudah pun dikeluarkan oleh pentadbir laman web berkenaan.

Kes tersebut turut menarik perhatian seorang aktivis sosial, Syed Azmi Alhabshi yang bertindak bertemu dengan gadis dan dua bayinya bersama Pegawai Perlindungan Kanak-Kanak dan Pegawai Akhlak, JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Syed Azmi dipetik sebagai berkata, selepas hampir tiga jam menemui wanita tersebut dan keluarganya, ibu muda itu tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda penyesalan di atas perbuatan mengiklankan bayi kembarnya menerusi laman web jual beli itu.

## INFO Sindiket penjualan bayi

**3 Disember 2016** - Seramai lapan orang ditahan untuk membantu siasatan berhubung sindiket penjualan bayi dalam beberapa serbuan sekitar Lembah Klang

**1 Disember 2016** - Polis menahan seorang wanita dipercayai dalang utama kes penjualan bayi dan seorang doktor lelaki yang terlibat dalam sindiket penjualan bayi di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan

**24 Januari 2013** - Polis Pulau Pinang berjaya membongkar satu sindiket penjualan bayi terbesar di negara ini dengan nilai RM300,000 selepas menahan 33 suspek termasuk dalang di Pulau Pinang, Kedah dan Perak

**25 Mei 2008** - Polis berjaya membongkar satu sindiket jual bayi dengan menahan 23 orang termasuk 14 wanita dan menyelamatkan empat orang bayi berusia tujuh bulan hingga setahun selepas menyerbu sebuah klinik swasta dan empat buah rumah di sekitar Johor Bahru, Johor